

Cekal mendepani ancaman samseng, penjenayah

Semangat perjuangan, nilai kesetiaan terhadap amanah dipikul jadi pemacu kecemerlangan anggota kastam

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
PUTRAJAYA

Berdepan ugutan geng kongsi gelap dan ancaman kumpulan penjenayah ketika melaksanakan tugas tidak menghalang pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk terus menabur bakti.

Berikutan itu, seramai 13 anggota dan pegawai pelbagai pangkat menerima Anugerah Wira dan Wirawati Kastam sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia ke-43, pada Isnin.

Antaranya pegawai Bahagian Perkastaman, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor Heti Suroto, yang mengalami trauma berpanjangan apabila kerap berdepan ugutan dan ancaman kongsi gelap pada Februari 2019.

Selain itu, keberanian Abdullaja Osman, Muhamad Ali Otojani, Supardi Rasyid dan Hamdan Datu Manong yang berdepan serangan serta tembakan penyeludup di perairan Bohey Dulang, Semporna ketika operasi banteras penyeludupan pada Disember 2019, turut mendapat pujian.

Pada April 2023, Bahagian Perkastaman JKDM Johor, Mohd Nazim Zamuri yang mengejar lori dipandu se-



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusoff menyampaikan penghargaan kepada salah seorang penerima Anugerah Wira dan Wirawati Kastam sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia di Putrajaya, pada Isnin.

orang lelaki Singapura membawa minuman keras seludup dirempuh tonto sebelum berjaya menahan suspek.

Sementara itu, ketika operasi banteras penyeludupan minyak di Sungai Golok, Kelantan pada Jun 2024, empat anggota iaitu Mohd Badin Yaacob, Muhamad Yusri Mat Esa, Abdul Aziz Dollah dan Amru Zakaria berdepan ancaman tembakan dan cubaan dirempuh bot galah milik penyeludup.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penerima anugerah atas pengorbanan, dedikasi dan komitmen tidak berbelah bahagi dalam menjalankan tugas demi

kesejahteraan negara.

"Setiap usaha dicurahkan sama ada dalam memastikan kutipan hasil negara dan memperkukuhkan kawalan sempadan adalah bukti nyata anggota sekalian merupakan tulang belakang kestabilan ekonomi dan keselamatan negara.

"Kita sedar bahawa cabaran dihadapi bukanlah mudah. Risiko, pengorbanan masa bersama keluarga serta tekanan tanggungjawab berat menuntut kecekalan, keberanian dan integriti tinggi," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Anis Rizana berkata, semangat perjuangan dan nilai kesetiaan terhadap amanah dipikul akan terus menjadi pemacu kepada kecemerlangan JKDM.